# MEMO

## UNIT KEBENARAN PINDAHMILIK/GADAIAN
## PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

Tuan/Puan,

**Penggunaan SMARTBOX Bagi Kebenaran Pindahmilik dan/atau Gadaian**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan Unit ini akan menguatkuasakan penggunaan SMARTBOX bermula pada 8 Februari 2023 bagi urusan kebenaran pindahmilik dan/atau gadaian dimana kami tidak lagi akan membuka bil dan menerima dokumen serahan dikaunter.

3. Oleh itu, pihak tuan/puan perlu meletakkan dokumen di kiosk SMARTBOX yang berada berdekatan Unit Pendaftaran Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling. Bagi tatacara penggunaan SMARTBOX pihak tuan/puan boleh merujuk “Lampiran 1”.

4. Penggunaan SMARTBOX hanya terpakai untuk urusan pindahmilik dan /atau gadaian sahaja. Permohonan perintah jual masih menggunapakai cara yang sama iaitu serahan melalui kaunter.

Sekian, terima kasih.

PENTADBIR TANAH PETALING SELANGOR

7/2/23

**Unit Kebenaran Pindahmilik/Gadaian**
**Pejabat Daerah dan Tanah Petaling**

# TATACARA PENGGUNAAN SMARTBOX PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK/GADAIAN TANAH/STRATA

| Langkah | Keterangan |
|---|---|
| 1. | **PEMOHON**<br>Log masuk ke sistem Smartbox<br>https://smartbox.selangor.gov.my/ |
| 2. | **PEMOHON**<br>1. Pilih Jenis Urusan Kebenaran (Pindahmilik/Gadaian/Rayuan)<br><br><br>Rajah 1<br>2. Pilih perserahan hakmilik Tanah/Strata<br><br><br>Rajah 2 |
| 3. | **PEMOHON**<br>Pilih Kod Urusan<br><br><br>Rajah 3<br>** Sila selesaikan sehingga bayaran dan serahan dokumen di kiosk serahan mengikut daerah hakmilik.<br>**Hakmilik Pejabat Pendaftar perlu diserahkan di Kiosk Serahan (Pejabat Daerah dan Tanah) mengikut daerah hakmilik. |